

aab

Mahathir - Gaji (Ulangan membetulkan para lima dengan menggugurkan perkataan Kongres)

KRRAJAAN SEDTA RUNDING TUNTUTAN GAJI CUEPACS, PM

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan bersedia memulakan rundingan dengan CUEPACS bagi mengadakan semakan gaji sektor awam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata sebarang kenaikan gaji tetap akan bergantung kepada kemampuan kerajaan dan pengekalan daya persaingan barangan negara dalam pasaran antarabangsa.

Ketika mengulas cadangan CUEPACS untuk mengemukakan tuntutannya Ogos ini supaya semakan gaji bagi 880,000 kakitangan kerajaan dilakukan pada 1995, Dr Mahathir berkata pemimpin kesatuan itu juga perlu bersikap waras dalam kesanggupan berunding dan tuntutan mereka.

"Saya percaya gaji pekerja perlu dinaikkan tetapi kenaikan mesti selaras dengan produktiviti. Jika negara menjadi kaya, memang hak mereka mendapat kenaikan gaji," katanya kepada pemberita di Angkasapuri selepas cakaman perutusan Hari Raya Aidilfitri.

Kongres Berbeza daripada amalan biasa rundingan gaji setiap lima tahun, CUEPACS bercadang mendapat pelarasan gaji selepas tiga tahun kerajaan melaksanakan Sistem Saran Baru (SSB), yang membawa kenaikan gaji antara lapan dan 10 peratus bagi semua kakitangan sektor awam. -- lagi

11/03/21-44MST

CNS6127

U GB 11-03 00146 BA813

aab

Mahathir - Gaji 2 Kuala Lumpur

Menurut CUEPACS, persekutuan kesatuan sekerja sektor awam dengan keanggotaan 200,000 pekerja, tuntutan semakan tiga tahun sekali ini sesuai dengan persetujuan yang dicapainya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ketika berunding pelarasan gaji 1990.

Ketua Pengarah JPA Tan Sri Mahmud Taib, ketika mengulas tuntutan CUEPACS itu baru-baru ini, berkata sebarang pelarasan gaji terletak sepenuhnya di tangan kerajaan dan di luar bidang kuasa SSB kerana sistem itu tidak menyediakan peruntukan untuk semakan gaji.

Dr Mahathir, yang lebih suka jika perundingan diadakan, berkata ia sekurang-kurangnya memberi peluang kepada kerajaan untuk memberi penjelasan sekiranya ia tidak dapat melayan tuntutan CUEPACS.

"Yang penting, bila ada tuntutan kita runding secara orang berfikiran waras," katanya.

Perdana Menteri juga berkata para pemimpin kesatuan harus bersedia menerima hakikat sekiranya kerajaan tidak dapat melayan tuntutan mereka. -- lagi.

11/03/12-28MST

CNS6144

R GB 11-03 00092 BA817

aab

Mahathir - Gaji 3 (akhir) Kuala Lumpur

Sambil mengakui bahawa para pemimpin kesatuan mempunyai tanggungjawab kepada anggota mereka, Dr Mahathir berkata kerajaan juga mempunyai tanggungjawab kepada negara bagi memastikan kesejahteraan ekonomi.

Beliau juga berkata pemimpin kesatuan tidak harus menggunakan tindakan perusahaan bagi mencapai hasrat mereka untuk mendapatkan kenaikan gaji seperti yang kerap diamalkan oleh pekerja negara maju.

Katanya, rundingan merupakan cara terbaik dan para pekerja dan majikan harus sentiasa menggunakan sistem rundingan bagi menyelesaikan masalah --